

06 JUN 2003

PERDANA MENTERI TIBA DI KLIA

SEPANG, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair hari ini, selepas lawatan kerja di Perancis dan Jepun selama seminggu.

Turut berada untuk menyambut kepulangan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsudin.

Pesawat yang membawa Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mendarat pada pukul 4.30 petang selepas penerbangan selama enam jam dari Lapangan Terbang Antarabangsa Narita di Tokyo.

Dr Mahathir berangkat pada 30 Mei untuk menghadiri Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota di Evian, Perancis atas jemputan Presiden Perancis Jacques Chirac.

Di luar sesi dialog itu, Perdana Menteri mengadakan perbincangan bersama beberapa pemimpin dunia termasuk Presiden Russia Vladimir Putin, Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki dan Chirac.

Dari Perancis, Perdana Menteri berlepas ke Jepun bagi Persidangan Nikkei Kali Kesembilan dan tiba di negara itu pada Selasa.

Beliau juga mengadakan pertemuan bersama rakan sejawatannya di Jepun Junichiro Koizumi.

-- BERNAMA

MAM PR